

27 JUL 2001

Mahathir-Pelajar

TINDAKAN RADIKAL SELAMATKAN PELAJAR MELAYU DRP TERUS TERCICIR

KUALA LUMPUR, July 27 (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran bahawa tindakan radikal akan diambil bagi menyelamatkan pelajar Melayu daripada terus tercicir.

Tindakan itu termasuk mengurangkan tempat pelajar bumiputra di institusi pengajian tinggi awam selain mengurangkan bantuan kerajaan kepada mereka, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di ibu pejabat parti di sini.

Ketika ditanya sama ada tindakan itu akan menimbulkan tindak balas kepada kerajaan dan Umno sebagai parti pendokong kerajaan, Dr Mahathir yang juga Perdana Menteri berkata "akan berlaku tindak balas tetapi perkara ini terlalu serius sehingga kami perlu membuat pertimbangan politik".

"Itu sebab mengapa saya menyifatkan mereka yang cuba menjadikannya sebagai modal politik sebagai khianat," katanya.

Ketika ditanya siapa yang dikatakan sebagai khianat itu, Dr Mahathir berkata: "Kita tidak perlu menyebutnya tetapi rakyat boleh membuat anggapan sendiri.

"Setiap kali kita mahu melakukan sesuatu yang baik, kita dapati apa yang kita lakukan akan dipolitikkan, disalahtafsir dan diputarbelitkan untuk kepentingan politik.

"Ini sebabnya kenapa banyak usaha kita untuk membantu orang Melayu gagal kerana mereka ini akan sentiasa menjadikan setiap perkara itu isu politik," katanya.

Perdana Menteri yang nyata kecewa dengan masalah yang berlaku terhadap pelajar Melayu, berkata Umno sebagai parti yang mendokong kerajaan akan meminta supaya tindakan radikal diambil bagi mengatasi masalah itu.

"Kita tak boleh main-main mengenai perkara ini...kononnya hendak layan mereka kerana ini hak asasi manusia dan lain-lain. Kita perlu pentingkan masa depan mereka sendiri dan masa depan negara," katanya.

Berikutan itu Perdana Menteri berkata satu badan khas yang akan ditentukan namanya kemudian, akan ditubuhkan, dengan menjemput mana-mana pegawai kerajaan dan pegawai pendidikan secara sukarela mengambil bahagian dalam memperbaiki masalah itu.

"Tidak ada elaun khas. Kalau betul-betul berminat dan sayang kepada bangsa dan negara serta patriotik, mereka hendaklah sertai usaha ini secara rela hati dan tidak melihat tentang manfaat yang mereka dapat," katanya.

Ditanya siapa yang akan mengetuai badan itu dan bila akan dimulakan, beliau berkata Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad akan memainkan peranan utama dan ia akan dimulakan secepat mungkin.

Beliau berharap badan khas itu akan mendapat sokongan pegawai pendidikan, guru-guru dan mereka yang sedar akan tanggungjawab mereka untuk menjayakan usaha memulihkan keadaan dalam negara ini.

"Kita tak akan membiarkan lagi penyalahgunaan dasar pendidikan kita untuk kepentingan lain, (selain) daripada menguasai ilmu pelajaran," katanya.

Dr Mahathir juga berkata tindakan akan diambil jika didapati ada sesiapa yang tidak melaksanakan dasar pendidikan negara,

"Jika perlu kita akan pinda undang-undang, malah kita akan pinda Perlembagaan Persekutuan sekali pun, untuk halang pihak yang khianati sistem pelajaran kita untuk kepentingan-kepentingan lain.

"Kita tidak boleh lagi membenarkan perkara penyelewengan, pengkhianatan ini berterusan kerana akibatnya, seperti mana kita lihat, penuntut Melayu

terlibat dengan sembah syaitan dan lain-lain," katanya.

Presiden Umno itu juga berkata MT mencadangkan supaya dalam menyampaikan ilmu pengetahuan, guru akan dipastikan sebagai fasilitator semata-mata dan mereka akan menyampaikan ilmu terhad mengikut kurikulum yang telah ditentukan.

"Kita akan siarkan melalui penggunaan internet (ilmu yang patut diajar mengikut kurikulum) ke sekolah-sekolah supaya yang diajar itu adalah yang ditentukan oleh kurikulum dan tidak ada lagi penyelewengan dengan ajaran lain dan buat lukisan yang mirip kepada politik tertentu," katanya.

-- BERNAMA

NZ ZS RON